Dikarang oleh salah seorang ulama' asal Jepara Jawa Tengah yang merasa gelisah terhadap banyaknya hafalan dalam kitab *Alfiah* Ibnu Malik yang berisi kaedah-kaedah bahasa Arab namun pelajar tidak tahu penggunaannya dimana maka dirasa penting melakukan reformulasi *nadzaman* tersebut dalam sistem gramatika Arab (*Nahw* dan *Sharf*) dengan pemilihan contoh potongan ayat al-Qur'an, penggubalan, penyajian serta pengualangan dalam kitab tersebut (Hakim, 2004).



Antara pondok pesantren yang telah mengguna pakai kitab *Amthilati* ini ialah pondok pesantren Sunni Darussalam Maguoharjo Sleman Yogyakarta, Hidayatul Mubtadiin Demak, Bustanul Muta'allimin di Semarang, Darul Amanah Sukorejo Kendal, Nurul Jadid di Purbalinggo dan masih banyak lagi pondok pesantren yang menerapkan kitab tersebut (Munawarah, 2019).

Terdapat kajian yang membuktikan bahawa penggunaan kitab *Amthilati* dalam memahami kaedah dapat meningkatkan kemampuan membaca kitab klasik iaitu berdasarkan penjelasan dan hasil penyelidikan keberkesanan pelajaran metode *Amthilati* dalam membaca kitab klasik oleh (Ubaidillah,2015; Fikri,2016; Kawakib,2018; Munawaroh, 2019) bahawasanya kitab ini sangat berkesan.



Dalam penyelidikan komparasi yang dilakukan Abu Bakar disebutkan bahawa terdapat perubahan signifikan kemampuan pelajar dalam membaca kitab klasik sebelum diterapkannya kitab *Amthilati* dan sesudah diterapkan (Abu Bakar, 2019). Oleh itu penyelidik terdorong untuk melakukan kajian lanjut tentang “Analisis Kitab *Amthilati* Karangan Kiyai Haji Taufiqul Hakim”.

Kitab ini adalah sumber pembelajaran praktikal memandangkan penggunaannya yang fleksibel, penyelenggaraan kos rendah dan ketersediaan yang mudah. Penggunaan kitab ini tidak memerlukan masa yang panjang dan tempat. Ia adalah kitab yang telah ditetapkan sebagai panduan pembelajaran di pondok pesantren tertentu (Roviin,2018).

Kitab ini terdiri dari 5 jilid kitab *Amthilati* , 1 jilid *Qā'idatī*, 1 jilid *Khulāṣah* , 2 jilid *Tatimmah* dan 1 jilid kitab *Sharfiyah*. Kitab *Amthilati* jilid 1 merupakan kitab pertama yang dikaji sampai kitab *Amthilati* jilid 5. *Amthilati* jilid 5 merupakan kemunca daripada kitab-kitab *Amthilati* , dalam kitab tersebut terdapat praktik semua kaedah dari pada awal dan didalamnya juga memuat simbol *pegon* iaitu memberi erti pada kitabnya dengan teknik khas pemaknaan ala pesantren, baik memakai bahasa Jawa, Sunda dan lain-lain tetapi dituliskan dengan beberapa simbol yang menunjukkan erti tertentu guna memahami kedudukan, *shigat* atau bentuk, dan erti yang terdapat dalam kalimat atau kata dalam sudut pandang ilmu *Nahw*. Simbol-simbol tersebut sebagai suatu ringkasan dalam proses memberi *i'rab* (baris) kitab. Tujuannya untuk memudahkan pelajar memahami makna kalimat dalam masa yang singkat seterusnya membantu mereka dalam mempelajari ilmu *Nahw*.

Kitab *Amthilati* disokong dengan kitab *Khulāṣah* iaitu kitab ringkasan Alfiyah Ibnu malik yang diterjemahkan dalam bahasa pertama dan Arab Melayu atau Tulisan Jawi, yang merupakan ciri khas Nusantara, meskipun di Indonesia sendiri tulisan Jawi ini hampir punah (Hakim, 2003).

Daripada latar belakang tersebut, maka merupakan hal yang menarik untuk menganalisis kitab *Amthilati* karya Kiyai Haji Taufiqul Hakim kerana ia adalah kitab yang bercorak moden, ilmu *Nahw* dan *Ṣarf* disatukan dalam kitab ini kemudian disertakan dengan contoh-contoh dari al-Qur'an dengan melomponkan baris pada bab yang dipelajari juga ingin melihat sejauh mana penerapan dan peletakan kaedah-kaedah bahasa Arab yang di dalam teori Mackey 1987 perihal pemilihan, penggubalan di mulai dari kaedah yang mudah kepada kaedah yang sulit, bagaimana penyajian dan latihan yang dijelaskan di dalam kitab ini.

1.3 Pernyataan Masalah

Kitab-kitab bahasa Arab dan ilmu kebahasaan yang digunakan di Indonesia sejatinya tidak ditentukan oleh jabatan pendidikan, asalkan memuat 3 asas iaitu asas sosial-budaya, asas psikologi, dan asas kebahasaan dan pendidikan (Hamid et al., 2008). Namun diberikan kemudahan dan hak kepada pengajar di pondok pesantren untuk memilih kitab apa yang tepat untuk pelajarannya.

Menurut Husein (2019) pelajar di Indonesia dihadapkan pada kitab-kitab struktur kebahasaan karya ulama-ulama yang berasal daripada tanah Arab majoriti menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa utama dan bahasa penjelas (*syarah*).

Menurut penyelidikan yang dilakukan oleh Mukhtaruddin (2011) Pondok Pesantren API (PPAPI) fenomena pengajaran di Indonesia menyenaraikan beberapa kitab yang digunakan untuk mempelajari kaedah-kaedah bahasa Arab yang utama seperti:

1. Tingkatan dasar: *Matan al-Jurumiyyah* dan *Matan al-Bina' wa al-Asas atau Al-Amthilati at-Tasrifiyyah*
2. Tingkatan menengah pertama: *Mutammimah atau Al-Asymawi* dan *Nadzom al-Maqsud atau Al-Kailani*
3. Tingkatan menengah atas: *Alfiyah Ibnu Malik atau Syarah Ibn Aqil* dan *Al-I'la' atau Qowa'id al-Lughoh al-Arabiyyah*

Semua buku yang disebutkan di atas menunjukkan bahawa ada usaha untuk memudahkan *Nahw* belajar dalam bentuk penyampaian kaedah paling asas yang harus dikuasai oleh pemula pada tahap pertama. Namun, dengan menggunakan buku-buku ini didapati bahawa komposisi buku itu dimulai dengan kalimat *i'rab* yang sama, ada makna, tanda, bahagian, misalnya, peraturan terpisah *Nahw* dan *Ṣarf* dan lain-lain. Walaupun terdapat percubaan untuk meringkaskan kitab-kitab seperti *Matan Al-Ajrumiah* dengan membuang atau mengurangkan jumlah bab yang dibincangkan dan menyempitkan ruang lingkup perbincangan, itu tidak bermaksud mempermudah perbincangan tanpa mengurangkan isi yang dibincangkan (Rofi'i, 2000). Menurut Misbah (2006) kitab-kitab ini mengandungi kandungan yang terlalu luas untuk



peringkat pemula dengan komposisi yang mengikuti budaya penulisan Arab. Padahal dalam penyusunan kitab yang baik, ditentukan beberapa faktor, iaitu taraf kesulitan bahan pelajaran, bahan yang mudah didahulukan dari yang kompleks, dari lingkungan yang terdekat, persepsi pelajaran yang baru lebih mudah difahami berdasarkan pengetahuan atau sedia ada sehingga ada perkaitan dengan bahan pelajaran, sesuai dengan usia kemampuan pelajar, dan beserta minat pelajar (Jamil, 2013).

Begitu pula dalam penyusunan kitab-kitab pengantar bagi bukan penutur dengan tujuan memahami kitab-kitab *Turath*. Meskipun kitab-kitab struktur Arab tersebut yang diperuntukkan bagi pelajar pemula akan tetapi kerana budaya penulisan Arab dan Indonesia berbeza sehingga pelajar di Indonesia mengalami kesulitan. Menurut *Jamil* (2013), faktor keperluan kitab *Turath* perlu disusun semula adalah:

1. Kitab *Turath* menonjolkan penulisan bermula dari frasa (ayat) yang sesuai dengan pemikiran penutur jati Arab, sedangkan budaya belajar di Indonesia adalah bermula dari huruf, perkataan (kalimat), seterusnya frasa (ayat).
2. Kitab *Turath* menggunakan perbendaharaan kata bahasa Arab klasik yang pada masa ini tidak digunakan dalam bahasa Arab moden atau telah mengubah formatnya walaupun berasal dari kata akar yang sama. Di mana pilihan perbendaharaan kata diperlukan yang disokong oleh kekerapan perbendaharaan kata dalam setiap ayat, penyebaran kosa kata dan seberapa dekat bahasa dengan pelajar.
3. Kitab *Turath* tidak menggunakan tanda baca standard seperti noktah, koma, titik dua dan titik koma dan lain-lain
4. Perenggan yang terlampau panjang.



5. Perbincangan tidak tersusun dengan baik, iaitu tidak dibahagikan kepada sub-tajuk, sub-tajuk, dan sebagainya. Sehingga menyukarkan pembaca untuk membezakan antara *i'rab* dan perincian *i'rab*.
6. *Shigat* tidak diletakkan.
7. Aspek latihan, contoh yang diberikan merangkumi 1-5 contoh, latihan tidak disenaraikan. Sedangkan belajar membaca buku *Turath* secara praktikal mesti memperhatikan tiga perkara: perbendaharaan kata, peraturan, dan praktik. Ketiga-tiga perkara ini mesti dibaca dan diulang, kerana ukuran kejayaan dalam penguasaan isi kandungan adalah banyak amalan.

Berdasarkan faktor tersebut, pelajar yang bukan penutur jati (*annaṭiqīna bigairiha*) khususnya di Indonesia agak sukar untuk memahami struktur ayat juga isi kandungan dari Kitab *Turath*, lebih-lebih lagi yang berkaitan pada aspek struktur *i'rab* dan bentuk *wazan* dalam ilmu Nahw Arab.

Selain itu, wujud isu dan permasalahan dalam memahami kaedah *Nahw* (tatabahasa) dan *Ṣarf* (Morfologi) kerana persepsi pelajar menyatakan bahawa aspek tatabahasa dan morfologi Arab adalah sukar. Hal ini kerana, pelajar harus belajar membaca, memahami, menghafal matan dan nadzam dan seterusnya dapat mengaplikasikan teori tersebut pada kitab *Turath* yang lain.

Masalah baru akan muncul jika isi yang disajikan dalam sebagian kitab pelajaran kurang menunjang pelajar untuk menguasai bahasa Arab sesuai dengan tujuan yang ada. Maka jika melihat pada tujuan daripada pembelajaran bahasa Arab di Indonesia sesuai dengan Peraturan Menteri Agama iaitu mata pelajaran bahasa Arab merupakan suatu mata pelajaran yang diarahkan untuk mendorong, membimbing, mengembangkan, dan membina kemampuan serta menumbuhkan sikap positif terhadap



bahasa Arab, baik reseptif mahupun produktif. Kemampuan reseptif iaitu kemampuan untuk memahami pembicaraan orang lain dan memahami bacaan. Kemampuan produktif iaitu kemampuan menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi baik secara lisan mahupun secara tertulis. Kemampuan bahasa Arab serta sikap positif terhadap bahasa Arab tersebut sangat penting dalam membantu memahami sumber ajaran Islam iaitu Al-Quran dan Al-Hadīth , serta kitab-kitab berbahasa Arab yang berkenaan dengan Islam bagi pelajar (Asyrofi, 2010).

Untuk mencapai tujuan reseptif iaitu memahami bacaan yang dijelaskan diatas, maka disusunlah kitab sebagai media visual atau sumber rujukan utama dalam pembelajaran yang hal tersebut berfungsi untuk memudahkan guru dalam mengajar dan memudahkan pelajar dalam memahami isi bahasa Arab yang disampaikan oleh guru (Nasution, 2009)



Memandang pada masalah dan proses tercapainya tujuan tersebut, maka diharapkan kitab *Amthilati* mampu menjadi solusi atas persoalan yang dihadapi mengingat kitab *Amthilati* dikarang untuk pelajar pemula agar cepat memahami kaedah-kaedah bahasa Arab dengan tujuan mampu membaca kitab *Turath* dengan pemilihan kosa kata, struktur dan latihan, penggubalan kelompok tema dan urutan kitab disertai dengan gambar sederhana, beberapa simbol khas Indonesia (*pegon*), struktur yang berulang-ulang dan bahasa pengantar menggunakan bahasa Indonesia dan Jawi serta skema jadual . Hal itu mengingat adanya kecenderungan anak-anak kepada gambar, skema-skema jadual dan ringkasan yang mudah untuk pelajar pemula (Mulyasa,2008)





Sebagaimana penyelidikan sebelumnya yang membuktikan bahawa menggunakan kitab ini mampu meningkatkan kemampuan pelajar memahami kitab *Turath*, Abu Bakar menyebutkan bahawa terdapat perubahan signifikan kemampuan pelajar dalam membaca kitab klasik sebelum diterapkannya kitab *Amthilati* dan sesudah diterapkan (Abu Bakar, 2019).

Kitab *Amthilati* merupakan kitab karya KH.Taufiqul Hakim yang berpacu kepada *Naḍaman Alfiah* karangan Ibnu Malik Al-Andalusi atau biasa disebut “Alfiyyah Ibnu Malik” yang baitnya berjumlah 1002 setakat ini Kiyai Haji (KH) Taufiqul Hakim meringkasnya menjadi 184 bait, kitab ini tidak hanya berisikan *Nadhoman* namun berisikan contoh-contoh yang diambil daripada Al-Qur’an (Hakim,2015). Kitab *Amthilati* merupakan manifestasi dari kitab *Qā’idatī* dan *Khulāṣah* yang didalamnya juga terdapat kaedah-kaedah yang terdapat dalam *Qā’idatī* dan potongan-potongan syair yang terdapat dalam kitab *Khulāṣah*

Dengan kitab *Amthilati*, para pelajar diharapkan boleh memahami kaedah-kaedah dasar dalam waktu yang relatif singkat iaitu 3-6 bulan, pelajar sudah dapat membaca kitab tanpa harokat dengan baik dan benar sesuai dengan kaedah, (Ubaidillah 2015). Mengingat menggunakan kitab struktur kebahasaan yang berbahasa Arab langsung memerlukan waktu yang lama sedangkan waktu amat terhad. Pondok pesantren memberikan waktu 6 tahun untuk tingkatan Darjah, 3 tahun untuk tingkatan Menengah Pertama dan 3 tahun untuk Sekolah Menengah Atas (Undang-Undang nombor 20 tahun 2003) sedangkan kitab-kitab asas belum habis dipelajari. Tentu kondisi ini akan menyulitkan para pelajar kaedah-kaedah bahasa Arab bagi yang tidak memiliki dasar membaca tulisan Arab.





Kitab ini tidak berdiri sendiri, ia perlukan kitab penyokong lainnya iaitu *Khulāṣah* yang berisi kaedah-kaedah dengan cara disyairkan dan kitab *Qā'idatī* berisi rangkuman singkat daripada kitab *Amthilati*.

Penyelidik memilih 3 dari 10 kitab, iaitu *Amthilati* jilid 5, *Khulāṣah* dan *Qā'idatī* bab 5 memadai untuk kajian ini kerana kitab-kitab ini dianggap sebagai punca daripada kitab *Amthilati* yang dikaji setelah melewati *Amthilati* jilid satu sampai empat, jadi segala kaedah daripada bab 1-4 sudah masuk dalam contoh-contoh kitab *Amthilati* jilid 5 dimana kaedah *Nahw* dan *Ṣarf* sudah mulai diperkenalkan daripada juzuk ini (Hakim, 2003).

Selain aspek isi kandungan sama ada dilihat daripada aspek pemilihan, penggubalan, penyajian dan pengulanagn yang terdapat dalam kitab *Amthilati*, pengkaji juga tertarik untuk mengetahui penulis kitab ini. Adapun teori analisis kandungan kitab dari aspek yang dinyatakan diatas dilihat berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Mackey (1987) yakni memenuhi seleksi yang baik, pemilihan dilihat daripada aspek kekerapan contoh dan struktur, tersebarnya kata dan struktur, bidang, keakraban dan kata-kata yang diperlukan (kepentingan). Penggubalan dilakukan berdasarkan pengelompokan dan pengurutan penggubalan yang baik, kerana penyajian isi lebih mendahulukan kaedah-kaedah sederhana yang lebih berguna dari pada kaedah-kaedah yang kompleks dan sulit. Penyajian berdasarkan bahasa pengantar (diferensiasi), ostensif, gambar-gambar (pictoran), kontekstual jika penyusunan isinya yang sesuai dengan tujuan, tingkat kemahiran pelajar.





1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada latar belakang dan pernyataan masalah yang dibincangkan, berikut adalah objektif kajian telah dikenal pasti bagi memastikan tujuan kajian ini tercapai.

1. Meneroka latar belakang ketokohan KH.Taufiqul Hakim sebagai penulis kitab *Amthilati*
2. Analisis kandungan kitab *Amthilati* karya KH.Taufiqul Hakim daripada aspek pemilihan.
3. Analisis kandungan kitab *Amthilati* karya KH.Taufiqul Hakim daripada aspek penggubalan.
4. Analisis kandungan kitab *Amthilati* karya KH.Taufiqul Hakim daripada aspek penyajian.
5. Analisis kandungan kitab *Amthilati* karya KH.Taufiqul Hakim daripada aspek pengulangan.

Hasil daripada objektif kajian yang telah dinyatakan, beberapa soalan kajian telah dikenal pasti bagi mencapai objektif kajian ini.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah disenaraikan, maka kajian ini menjawab kepada setiap persoalan seperti yang dinyatakan berikut:



1. Bagaimana latar belakang ketokohan KH.Taufiqul Hakim penulis kitab *Amthilati*
2. Bagaimana isi kandungan kitab *Amthilati* karya KH.Taufiqul Hakim daripada aspek pemilihan.
3. Bagaimana isi kandungan kitab *Amthilati* karya KH.Taufiqul Hakim daripada aspek penggubalan.
4. Bagaimana isi kandungan kitab *Amthilati* karya KH.Taufiqul Hakim daripada aspek penyajian.
5. Bagaimana isi kandungan kitab *Amthilati* karya KH.Taufiqul Hakim daripada aspek pengulangan.

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Mengikut Garrison (2000), teori merupakan satu penyusunan idea, konsep, dan model secara koheren dan sistematik bagi tujuan membina makna untuk menjelaskan, mentafsirkan, dan mencorakkan amalan. Teori membekalkan perspektif yang dapat mengurangkan kerumitan dalam menjelaskan fenomena yang kompleks dan pada masa yang sama, mencadangkan generalisasi. Himpunan pengetahuan yang disebut sebagai teori ialah satu set pernyataan yang telah disusun dan diolah sedemikian bagi tujuan memahami fenomena dan memandu amalan.

Tujuan teori adalah untuk menyusun dengan rapi dan menyatakan dengan jelas penerangan tentang fenomena yang kompleks (Bachrach, 1989). Teori membekalkan kerangka asas bagi perkembangan bidang kajian melalui penjelasan yang koheren tentang amalan semasa dan analisis tentang arah aliran kini serta ramalan tentang trend masa depan.



Dalam penyelidikan ini teori yang digunakan adalah teori Mackey (1987) yang digunakan untuk menganalisis kitab *Amthilati* adalah penting bagi memahami dan menghuraikan tujuan dan kaedah sesuatu bidang penyelidikan atau amalan teori berkait secara langsung dengan kebolehan teori tersebut untuk memandu penyelidik dalam menjalankan penyelidikan dan amalan praktikal dalam disiplin ilmu.

Dengan pelbagai ciri khas kitab ini akan dianalisis sesuai dengan teori Mackey yang mempunyai pandangan tentang isi kandungan kitab pelajaran yang akan digunakan iaitu: seleksi (pemilihan isi kandungan), gradasi (penggubalan), presentasi (penyajian) dan repetisi (pengulangan).


Ciri khas kitab *Amthilati* memuat kaedah pengajaran yang merupakan suatu kitab yang terprogram dan sistematis juga menjadi inovasi baru dalam mempermudah membaca kitab klasik, juga reka bentuk penulisan kitab ini sengaja dibuat lebih intraktif, melalui interaksi peserta ajar pengajar, umpan balik (feedback) daripada seorang pengajar boleh langsung diberikan kepada pelajar sehingga mereka dapat langsung mengetahui taraf hasil belajar mereka. Kesalahan dan kekurangan daripada pelajar juga boleh diperbaiki oleh guru (Hakim,2004).

Kitab Arab untuk orang Arab berbeza dengan kitab Arab untuk orang bukan Arab, baik daripada segi kaedah, tujuan, bahan dan cara yang digunakan. Atas sebab ini, pemupukan kitab untuk orang bukan Arab memerlukan penanganan yang serius. Menurut Ali Muhammad Al-Qasimy dalam Asyrofi (2003), beliau adalah ahli bahasa dan pengajar bagi orang asing dalam Metodologi Pengajaran Bahasa Arab (1998), di Universiti Riyadh, berpendapat bahawa bahasa Arab untuk mengajar bahasa Arab



untuk orang asing dan juga orang Indonesia, mesti memasukkan 3 bahan, iaitu membaca, kaedah dan latihan.

Penyelidik dalam hal ini memilih teori Mackey (1978) untuk menganalisis isi kandungan dan reka bentuk penulisan semata-mata bertujuan untuk menganalisis daripada beberapa sudut pandang, sehingga kitab ini boleh digunakan di negeri-negeri yang serumpun bahasanya dengan bahasa Indonesia.



Rajah 1.1. Carta Alir Kerangka Teori

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat mendatangkan kepentingan kepada banyak pihak terutamanya kepada:



1.7.1 Guru

Dapatan kajian ini boleh menjadi bahan acuan untuk memilih kitab sebagai bahan acuan dan perbandingan dalam menentukan referensi untuk memudahkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan, begitupula dengan kitab yang diselidiki boleh digunapakai oleh guru sebagai rujukan untuk mengajar di bilik darjah khusus kepada pengajar bahasa asing iaitu bahasa Arab yang bahasa Indonesia dan yang sejenisnya sebagai bahasa pengantar. Dengan harapan pelajar dapat meningkatkan kemahiran aras tinggi kerana kaedah pengajaran menggunakan kitab *Amthilati* mudah, cepat, menggunakan bahasa Indonesia, serta contoh-contoh yang diambil daripada al-Qur'an. Sebarang soalan atau ketidakfahaman pelajar pula dapat dikemukakan secara langsung dalam kaedah bagi mengelakkan kesalahan dan bebanan ketidakfahaman berulang.



1.7.2 Institusi pendidikan

Kitab ini boleh digunapakai untuk memudahkan pengajaran terutama kepada pelajar tingkatan menengah dan atas, begitu juga dengan institusi pendidikan lainnya. Kajian ini penting kepada setiap institusi untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Adalah diharapkan supaya dapatan kajian ini memberi gambaran yang kompleks bagaimana kitab *Amthilati* didedahkan kepada para pelajar yang berdasarkan kepada analisis kandungan yang akan dikaji.





1.7.3 Penggubal kurikulum

Dapatan kajian ini akan membantu pihak yang memiliki bertanggungjawab dalam pendidikan iaitu kementerian pendidikan yang bertugas sebagai penggubal kurikulum sebagai usaha untuk meningkatkan capaian penguasaan bahasa Arab untuk bukan penutur asli sama ada di Indonesia mahupun Malaysia. Strategi pembelajaran bahasa mengiktiraf strategi mahupun perbezaan dalam setiap individu pelajar dalam pembelajaran bagi membantu pendidik dan penggubal kurikulum agar lebih toleran dengan pelajar.

1.8 Batasan Kajian



Dalam kajian ini, pengkaji tidak mampu untuk mengkaji sesuatu yang besar secara lebih khusus, jadi pengkaji membataskan kajian ini supaya dapatan kajian adalah memuaskan. Pengkaji meletakkan skop dan ruang yang agak sempit dalam batasan kajian, namun begitu keseluruhan aspek dalam teks karya tersebut merupakan inti pati yang menyeluruh. Kitab *Amthilati* terdiri daripada 10 jilid, terhad kepada kitab karya Kiyai Haji Taufiqul Hakim yang berjumlah 10 kitab yang menjadi bahagian daripada kitab *Amthilati*, yang terdiri daripada kitab *Amthilati* 5 jilid, 1 jilid kitab syair iaitu rangkuman *Naḍaman*, 1 jilid kitab *Qā'idatī*, 1 jilid kitab *Shorfiyyah*, dan 2 jilid kitab *Tatimmah*.



Dalam kajian ini, pengkaji membataskan menganalisis kitab *Amthilati* jilid 5 sahaja, sebab jilid 5 merupakan akhir daripada kitab ulasan *Amthilati* yang memuat segala jenis contoh yang kemudian dilengkapi oleh kitab *Qā'idatī* bab 5 dari pada muka surat 29- 39 (tidak termasuk keterangan tambahan) dan *Khulāṣah* dimulai dari bait ke 131-155 serta bait yang disebutkan didalam kitab *Amthilati* jilid 5 sahaja.

Dalam kitab *Amthilati* jilid 5 *Ṣarf* dan *Nahw* dipadu padankan. *Ṣarf* dijelaskan kemudian ilmu *Nahw* daripada jilid 1-4 secara langsung atau automatik masuk pada isi kandungan jilid 5 dan disitulah paling banyak kalimat-kalimat daripada contoh-contoh latihan yang lompong.

Adapun daripada aspek ketokohan, penyelidik akan menanyakan seputar identiti, pendidikan, peran, penerimaan masyarakat, strategi penyebaran kitab dan karya-karya yang dihasilkan KH Taufiqul Hakim.

1.9 Definisi Operasional

Bahagian ini dikemukakan beberapa istilah yang digunakan dengan tujuan menafikan ketidak fahaman terhadap istilah-istilah yang membolehkan memberi kefahaman dan pengertian pada setiap sesuatu yang dibincangkan dalam kajian ini sehingga tidak menyalahi apa yang sepatutnya yang menjadi pegangan dalam menjalankan kajian, dengan demikian penyelidik menyenaraikan istilah- istilah yang digunakan. Adapun istilah-istilah tersebut sebagai berikut:



1.9.1 Amthilati

Amthilati adalah *jama'* daripada perkataan **مثال** yang bermaksud “contoh”. Pada kata **أمثلة** yang ertinya adalah beberapa contoh daripada saya (Hakim, 2004: 4).

Amthilati adalah sebuah kitab yang dihingggakan dengan metod *Amthilati* pula, iaitu metod praktis untuk mendalami Al-Qur'an dan membaca kitab klasik bagi para pemula dengan menekankan contoh dan praktik hafazan.

1.9.2 Kiyai Haji (KH)

Di Indonesia, secara umum, ada beberapa gelaran yang ditujukan untuk para ulama. Menurut Isma'il (1977) beberapa orang di Jawa Barat (Sunda) menyebutnya *Ajengan*, di Sumatera Barat disebut *Buya*, di Aceh dikenal sebagai *Teungku*, di Sulawesi Selatan disebut *Tofanrita*, di Madura disebut *Nun* atau *Bendana* yang disingkat sebagai "Ra" dan di Lombok atau sekitar wilayah Nusa Tenggara orang memanggilnya *Tuan Guru*. Khusus untuk orang Jawa, gelaran ulama disebut juga sebagai *Wali* gelaran ini biasanya diberikan kepada para ulama yang telah mencapai tahapan tinggi, memiliki kemampuan peribadi yang luar biasa, para wali ini sering disebut *Sunan* seperti raja. Gelaran lain adalah *Panembahan*, yang diberikan kepada para ulama yang menunjukkan bahawa ulama tersebut mempunyai kekuatan spiritual yang tinggi.



Disamping itu terdapat istilah Kiyai yang merupakan gelaran kehormatan bagi para ulama pada umumnya. Oleh itu, ia sering dijumpai di daerah pedesaan Jawa yang disebut Ki Ageng atau Ki Ageng atau Ki Gede, juga Kiai Haji (Isma'il, 1977).

Menurut Sukamto (1999) Kiyai adalah seseorang yang mengajarkan pengetahuan agama kepada masyarakat luas. Kiyai secara linguistik berasal daripada bahasa Jawa kuno "kiya-kiya" iaitu orang yang dihormati. Manakala Kiyai dari segi istilah menurut Ziemek (1998) adalah pengasas dan pemimpin pesantren Muslim yang telah mengabdikan hidupnya kepada Allah dan menyebarkan serta mendalami ajaran Islam melalui kegiatan pendidikan Islam.

Secara umum, Kiyai mempunyai beberapa definisi, iaitu:

- 1) Kiyai adalah orang yang memiliki institusi pesantren dan mempunyai pengetahuan tentang agama yang konsisten dalam melaksanakan ajaran agama.
- 2) Kiyai ditujukan kepada mereka yang memahami pengetahuan agama, tanpa mempunyai pesantren yang tidak tinggal dan mengajar di pesantren.
- 3) Kiyai adalah orang yang mengajar pengetahuan agama dengan memberi ceramah, menyampaikan fatwa agama kepada masyarakat luas. Secara esensial kata Kiyai dan alim memiliki makna yang sama, yakni mereka yang menguasai ilmu agama dan sangat dihormati oleh para pelajar.

Dalam bahasa Jawa, Kiyai biasanya digunakan dalam gelaran kehormatan pendidikan Islam (Ziemek 1986), sementara menurut Eksan (2000) Kiyai adalah istilah untuk orang dengan pengetahuan yang beragam, yaitu ulama, *ulil ilm*, *arrasikhun fil ilm*, *ahlu al-dzikh* dan *ulul albab*.

Peranan Kiyai akan dapat direalisasikan sekiranya mereka dapat berintegrasi dengan masyarakat di mana mereka berada. Ini akan memudahkan pencapaian visi dalam menyebarkan Islam (Kuntowijoyo, 1995).

Mas'ud (2004) merangkum ciri dan tipologi beberapa tokoh Kiyai, iaitu:

Kiyai atau sarjana ensiklopedik dan multidisiplin, Kiyai ini menumpukan dirinya dalam dunia keilmuan, belajar mengajar dan menulis, menghasilkan banyak buku.

- 1) Kiyai yang pakar dengan pengkhususan dalam bidang sains Islam
- 2) Ulama karismatik yang memperoleh karisma mereka dari pengetahuan agama, terutama sufisme. Guru yang mempunyai tingkatan kerohanian tinggi dan paling dihormati dalam tradisi pesantren.
- 3) Para Kiyai ini mempunyai keprihatinan dan penglibatan terbesar mereka dalam berinteraksi dengan orang ramai dan menyampaikan pengetahuan mereka bersama dengan misi melalui bahasa retorik yang berkesan.
- 4) Pergerakan Kiyai, Kiyai ini adalah pemimpin yang paling terkenal kerana kedudukannya yang unik kerana dia mempunyai peranan dan kemahiran kepemimpinan yang luar biasa, baik dalam masyarakat mahupun organisasi yang diasaskannya. Di samping itu, Kiyai ini mempunyai pengetahuan agama yang mendalam yang dia perolehi dari Kiyai yang paling dihormati di pesantren.

1.9.3 Nahw

Nahw dalam bahasa Arab mempunyai beberapa makna diantaranya *الوجه* (*arah*), *فبتن حرفان* (*aku pergi ke arahnya*). Diantara maknanya juga *المثل والشبه* (*mirip atau seperti*), *محمد بن حو* (*Muhammad mirip Ali*), Muhyid (2010).

Menurut istilah *Nahw* adalah ilmu tentang kaedah-kaedah yang dengannya dapat diketahui hukum akhir kata bahasa Arab dalam keadaan kata-kata itu tersusun, baik daripada segi *i'rab*, *bina'* dan apa-apa yang berkenaan dengannya, Muhyidin (2010).

Menurut Muhammad (1996) ilmu *Nahw* bermaksud ilmu tata bahasa Arab (gramatika bahasa Arab),

لأن حقوق واعدي عرفبه اصري اغ اللطى مات لالعربية و أسوالها محين أفرادها ومحين
تركيبها

“*Nahw* itu adalah qawaid (kaedah-kaedah) yang dengannya diketahui bentuk bentuk kata bahasa Arab dan keadaannya ketika berdiri sendiri dan dalam susunan kalimat”.

Menurut Abu Hamzah (2007) ilmu *Nahw* adalah adalah ilmu yang mempelajari tentang kedudukan kata dalam kalimat dan harokat akhirnya, baik secara *i'rab* mahupun *bina'*.

1.9.4 *Ṣarf* (Morfologi Arab)

Menurut Abu Hamzah (2007) bentuk kata dan perubahannya dengan penambahan mahupun pengurangan.

Menurut Al-Hasyimi:

لأصرف التي عرفها أصريغ اللغى ما اللى مفردة و أحوالها مالى سب إعراب
والهيناء

“*Ṣarf* adalah sesuatu yang diketahui dengannya bentuk-bentuk kata yang *mufrad* (kata benda tunggal) dan keadaannya bukan daripada segi *i’rabnya* dan bukan daripada bina’nya”.

Menurut Ghayalaini dalam jurnal Misbah (2006) :

فلاصرفها الصولت عرفها أصريغ اللغى مات لالعربية و أحوالها التي إعراب
بإعراب والهيناء

“*Ṣarf* adalah ilmu pokok yang diketahui dengannya bentuk bentuk kata bahasa Arab dan keadaannya yang bukan daripada *I’rab* dan bukan daripada *bina’*”.



Pondok berasal daripada kata bahasa Arab iaitu *فندق* yang memiliki erti hotel, tempat bermalam sedangkan di Malaysia pondok pesantren lebih dikenal dengan istilah pondok. Pesantren atau pondok iaitu tempat yang dibangun secara traditional untuk mempelajari, memahami, mendalami, menghayati, dan mengamalkan ajaran Islam dengan menekankan pentingnya moral keagamaan sebagai pedoman perilaku sehari-hari. Jadi pesantren adalah lembaga traditional Islam yang memberikan pendidikan serta pengajaran dan penyebaran ilmu agama dan Islam (Ubaidillah,2015)

Menurut Adrus dan Zain (2019) pengajian pondok merupakan institusi pendidikan Islam tertua dan merupakan legasi sejarah yang perlu dipelihara sepanjang zaman. Institusi pondok mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan kedudukan



paling tinggi serta mempunyai pengaruh besar dalam kalangan masyarakat. Tambah beliau, falsafah sistem pengajian yang menjadi amalan di institusi pondok mampu mambasmi kejahilan masyarakat di samping berjaya di dalam melahirkan para ulama yang berpengetahuan luas serta bertakwa kepada Allah SWT. Kenyataan ini menunjukkan bahawa pengajian pondok merupakan sistem yang penting dan perlu terus dipelihara.

Justeru menurut Departemen Agama Republik Indonesia (2003) pesantren adalah institusi pendidikan keagamaan yang mempunyai pengkhususan tersendiri dan berbeza dengan lembaga pendidikan lainnya. Pendidikan di pesantren meliputi pendidikan Islam, dakwah, pengembangan kemasyarakatan, dan pendidikan lainnya yang sejenis. Para pelajar yang berada di pesantren disebut pelajar yang umumnya menetap di pesantren. Tempat dimana para pelajar menetap, di lingkungan pesantren disebut dengan istilah pondok.

Daripada segi sejarahnya, pondok pesantren adalah bentuk institusi pendidikan asli di Indonesia. Pondok pesantren dikenal sebelum kemerdekaan Indonesia, bahkan sejak Islam memasuki Indonesia terus berkembang seiring dengan perkembangan dunia pendidikan pada umumnya. Selain pondok pesantren telah berjaya memupuk dan mengembangkan kehidupan beragama di Indonesia, juga berperanan menanamkan rasa kewarganegaraan ke dalam jiwa masyarakat Indonesia, dan juga berperan aktif dalam upaya mendidik bangsa (Departemen Agama RI, 2003).

Pondok pesantren adalah salah satu lembaga pendidikan yang ada di Indonesia. Suatu komuniti yang di dalamnya hidup bersama-sama sejumlah orang yang dengan komitmen hati dan keikhlasan atau kerelaan mengikat diri dengan Kiyai atau Tuan Guru





untuk hidup bersama dengan kepiawaian moral tertentu, membentuk kultur atau budaya tersendiri. Justeru, pondok pesantren merupakan sebuah institusi pendidikan agama Islam di Indonesia yang menggunakan kitab klasik dalam pengajaran dan pembelajaran *Nahw* dan *Şarf* (Departemen Agama RI, 2003).

1.10 Kesimpulan

Dalam bab ini adalah bertujuan untuk mengemukakan gambaran umum yang merangkumi latar belakang kajian yang membincangkan pemilihan kitab untuk pelajar *Annātiqīna bighairihā* sebagai pengantar dalam memahami kitab-kitab *Turath* berbahasa Arab. Di samping itu kajian ini turut membincangkan pernyataan masalah yang didalamnya didedahkan isu utama kitab *Amthilati* dikaji, kemudian dalam subkajian seperti tujuan kajian, objektif dan soalan kajian didasarkan kepada Analisis Mackey dalam penggunaan buku Bahasa. Kemudian diikuti oleh huraian kerangka teori dan kerangka kajian, seterusnya kepentingan kajian dan batasan kajian kemudian diakhiri dengan keterangan mengenai definisi operasional yang berkaitan dengan kata-kata yang perlu didedahkan yang berkaitan dengan kajian ini

